

**PERPUSTAKAAN  
FAKULTI ALAM BINA**



FAB30000010264

DA66966

**TUNTUTAN BAYARAN OLEH KONTRAKTOR  
DALAM KERJA PEMBINAAN**

**ANGELA NG SHIN YII**

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada  
syarat penganugerahan ijazah Sarjana Muda Ukur Bahan

Fakulti Alam Bina  
Universiti Teknologi Malaysia

MAY 2009

## ABSTRAK

Perubahan kerja sering berlaku di semua jenis projek pembinaan. Ia boleh mengakibatkan kelewatan dalam penyiapan projek dan mewujudkan perbelanjaan tambahan kepada majikan. Salah satu perkara utama yang diambil berat oleh semua pihak dalam projek pembinaan adalah mengenai pembayaran. Tuntutan pembinaan oleh kontraktor merupakan suatu permintaan sah bagi memperolehi ganti rugi tambahan yang disebabkan oleh perubahan dalam kontrak. Kontraktor mempunyai hak untuk mendapatkan bayaran bagi kerja kontrak yang telah dilaksanakan. Kelulusan pembayaran ini adalah tertakluk kepada kerja kontrak yang dilaksanakan. Kegagalan memenuhi syarat kontrak akan menyebabkan kontraktor tidak layak untuk menerima atau menuntut bayaran. Objektif penyelidikan ini adalah untuk mengenal pasti masalah-masalah yang dihadapi oleh kontraktor dalam membuat tuntutan bayaran untuk perubahan kerja. Satu kajian literatur yang menyeluruh telah dijalankan dengan merujuk kepada jurnal, buku rujukan dan laman web. Objektif dicapai dengan menganalisis kes-kes perundangan Malaysia, United Kingdom, United States dan Singapore. Hasil analisis kes-kes perundangan menunjukkan bahawa masalah-masalah utama kontraktor dalam menuntut bayaran untuk perubahan kerja yang dilaksanakan adalah arahan perubahan kerja yang tidak dibuat secara bertulis dan tuntutan bayaran yang tidak mengikuti prosedur pembayaran.